



DELEUM

POLISI PENYALAHGUNAAN BAHAN

DELEUM BERHAD dan anak-anak syarikatnya ("DELEUM") komited untuk mencapai kecemerlangan di dalam Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar semasa menjalankan perniagaan. Sebahagian daripada nilai-nilai bersama kami, DELEUM percaya dan mengiktiraf hak setiap pekerja dan kontraktor untuk bekerja dalam persekitaran yang sihat dan selamat.

DELEUM komited untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada Penyalahgunaan Bahan kerana Penyalahgunaan Bahan menjejaskan prestasi kerja mereka sendiri dan orang lain, dan boleh memberi kesan buruk kepada Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.

Di bawah polisi ini:

1. Penyalahgunaan Bahan adalah termasuk sebarang dadah haram, minuman beralkohol, dadah psikoaktif tanpa preskripsi yang sah, dan dadah psikoaktif preskripsi sah yang digunakan di luar kegunaan terapeutik.
2. Penggunaan secara tidak sah, pemilikan, pengedaran atau perdagangan Penyalahgunaan Bahan atau dibawah pengaruh Penyalahgunaan Bahan di premis-premis DELEUM, atau semasa menjalankan kerja dan/atau perniagaan untuk atau bagi pihak DELEUM, adalah dilarang.
3. DELEUM berhak untuk menjalankan ujian dan pemeriksaan Penyalahgunaan Bahan ke atas mana-mana pekerja, kontraktor dan sub-kontraktor dan pekerja mereka serta pihak ketiga di premis-premisnya pada bila-bila masa yang dianggap perlu.

Polisi ini dikuatkuasakan di bawah Prosedur Penyalahgunaan Bahan DELEUM dan sebarang kegagalan untuk mematuhi polisi ini atau tuntutan-tuntutan yang berkaitan akan mengakibatkan tindakan disiplin dan/atau hukuman selaras dengan polisi-polisi, undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan atau sebarang tindakan yang dianggap bersesuaian oleh DELEUM.

DELEUM mewajibkan semua pihak tersebut yang berada dalam premisnya untuk mematuhi polisi ini pada setiap masa.

RAMANRAO BIN ABDULLAH
GROUP CHIEF EXECUTIVE OFFICER
17 MARCH 2026